



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/12/84 (HQ)

### KABEL DASAR LAUT 26.5 KM PERKUKUH BEKALAN ELEKTRIK PULAU LANGKAWI

- Antara usaha TNB perkukuh infrastruktur elektrik negara
- Bekalan yang stabil sepanjang Tahun Melawat Malaysia 2020 dan APEC 2020

Sistem elektrik di Pulau Langkawi yang kini dikawal sepenuhnya secara automasi, akan dipertingkatkan lagi menerusi kabel dasar laut sepanjang 26.5km yang menyalurkan tenaga dari Grid Nasional ke pulau peranginan itu.

“Usaha merentang kabel dasar laut 132 kilovolt (kV) ini adalah sebahagian daripada perbelanjaan modal TNB untuk mengukuhkan infrastruktur elektrik negara,” kata Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin.

Menurutnya kerja merentang kabel dasar laut yang menghubungkan Pencawang Masuk Utama (PMU) Kuala Perlis dengan PMU Teluk Apau di Pulau Langkawi bermula Oktober lalu dan dijangka siap hujung tahun ini.

Perentangan kabel tersebut dijangka dapat membantu persiapan Pulau Langkawi untuk menerima kira-kira empat juta pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2020, selain menjadi satu daripada lokasi mesyuarat Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik 2020 (APEC 2020).

Projek berkenaan dapat mengukuhkan daya harap, kualiti, kestabilan dan kecekapan pembekalan elektrik ke Pulau Langkawi yang ketika ini mendapat bekalan dari Grid Nasional menerusi dua lagi kabel dasar laut sedia ada, kata Ir. Husaini.

Kabel dasar laut yang sedang direntang itu menggunakan teknologi terkini, iaitu *cross-linked polyethylene* berbanding *oil-filled cable* yang digunakan sebelum ini, katanya lagi.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Disember 2019, jam 10.30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /*

*Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524*

*atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

## ***SISTEM AUTOMASI BEKALAN ELEKTRIK DI PULAU LANGKAWI***

*Bermula awal tahun ini, sistem bekalan elektrik di Pulau Langkawi dikawal secara automasi sepenuhnya melalui Kawalan Penyeliaan dan Permolehan Data Berkomputer (SCADA) yang menghubungkan semua 404 pencawang di pulau peranginan itu.*

*Automasi ini akan membantu mempercepatkan masa pemulihan bekalan elektrik sekiranya berlaku kerosakan sistem TNB.*

### **KEPSYEN GAMBAR**

#### **GAMBAR 1:**

Kerja-kerja merentang kabel dasar laut 132 kilovolt (kV) dari Semenanjung Malaysia ke Pulau Langkawi sedang dilaksanakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi memperkukuhkan daya harap, kualiti, kestabilan dan kecekapan pembekalan elektrik ke pulau peranginan itu.



**GAMBAR 2:**

Kabel yang direntang dari baj ditanam sedalam tiga meter di bawah dasar laut. Kabel sepanjang 26.5 km itu menghubungkan Pencawang Masuk Utama (PMU) Kuala Perlis dan PMU Teluk Apau di Pulau Langkawi.



**GAMBAR 3:**

Projek merentang kabel dasar laut dari Semenanjung Malaysia ke Pulau Langkawi yang dilaksanakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dijangka siap hujung tahun ini.

